
SIARAN MEDIA

MyCC – SME CORP. ANJURKAN “BETTER BUSINESS WITH COMPETITION COMPLIANCE FOR SMES”

KUALA LUMPUR, 13 Oktober 2017 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan kerjasama SME Corp. Malaysia telah menganjurkan Seminar “BETTER BUSINESS WITH COMPETITION COMPLIANCE FOR SMES” semalam. Seminar ini merupakan kesinambungan kepada seminar-seminar untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah dianjurkan oleh MyCC sebelum ini. MyCC juga telah bekerjasama secara aktif dengan PKS sejak tiga tahun lepas dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran. Pada tahun ini, seminar ini adalah sesi khas di mana MyCC telah memperkenalkan portal pembelajaran atas talian yang boleh digunapakai oleh pihak industri terutamanya golongan PKS untuk lebih mudah memahami dan mematuhi Akta Persaingan 2010.

Akta Persaingan 2010 (AP 2010) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 adalah bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan perusahaan agar pengguna mendapat manfaat melalui pilihan barangan yang pelbagai dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang kompetitif.

MyCC berharap agar 'Sistem e-Pembelajaran mengenai Program Pematuhan Persaingan untuk PKS' ini akan memberi penjelasan yang lebih mendalam kepada golongan PKS dalam memahami Akta Persaingan 2010. Lima modul di dalam Sistem e-Pembelajaran ini, antara lain, menjelaskan tentang pelanggaran di bawah peruntukan-peruntukan tertentu dan amalan yang perlu dielakkan pada setiap masa. Terdapat juga senarai semak bagi PKS untuk menilai sendiri pematuhan mereka terhadap peruntukan yang berkaitan dalam AP 2010 dan pertimbangan yang harus diambil kira.

Sistem ini kini boleh didapati di laman sesawang ini <http://elearning.mycc.gov.my>. Seterusnya, MyCC juga telah merancang untuk mengadakan seminar yang sama di Sarawak dan Sabah pada bulan November tahun ini. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang MyCC, www.mycc.gov.my.

--tamat--

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Tel : 03 - 2273 2277

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dengan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini terpakai untuk semua aktiviti komersil yang ditanggung di dalam dan di luar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my